

Headline	Pengasuh dera bayi angkara tertekan hidap HIV dipenjara Pengasuh ada HIV dijel 5 tahun		
MediaTitle	Kosmo		
Date	02 Aug 2017	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	1,3	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	577 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh MOHD. AZLI ADLAN	AdValue	RM 15,032
Frequency	Daily	PR Value	RM 45,095



ASMAYUZI dibawa keluar oleh anggota polis selepas dijatuhkan hukuman di Mahkamah Majistret Kemaman semalam.

## Pengasuh dera bayi angkara tertekan hidap HIV dipenjara

SEORANG pengasuh dihukum penjara lima tahun selepas mengaku bersalah di Mahkamah Majistret Kemaman, Terengganu semalam kerana mendera bayi perempuan jagaannya, Wan Shifa Amani Wan Mohd. Farid yang berusia tujuh bulan atas alasan dia tertekan selepas disahkan menghidap HIV.

Hakim Badrul Munir Mohd. Hamdi menjatuhkan hukuman itu ke atas Asmayuzi Ismail @Abdul Wahab, 33, selepas dia mengekalkan pengakuan bersalah memukul kepala serta menggoncang badan Wan Shifa Amani berulang kali hingga pengsan disebabkan mangsa menangis dan enggan minum susu.

» BERITA DI MUKA 3

Headline	Pengasuh dera bayi angkara tertekan hidap HIV dipenjara Pengasuh ada HIV dijel 5 tahun		
MediaTitle	Kosmo		
Date	02 Aug 2017	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	1,3	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	577 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh MOHD. AZLI ADLAN	AdValue	RM 15,032
Frequency	Daily	PR Value	RM 45,095

## Mengaku bersalah pukul kepala bayi perempuan kerana enggan hisap susu botol Pengasuh ada HIV dijel 5 tahun

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

**KEMAMAN** - Perbuatan zalim seorang pengasuh mendera bayi perempuan jagaannya hingga mengalami kecederaan serius pada mata kiri dan kepala berbalas apabila dia dijatuhi hukuman penjara lima tahun oleh Mahkamah Majistret di sini semalam.

Hakim Badrul Munir Mohd. Hamdi memerintahkan demikian selepas Asmayuzi Ismail @Abdul Wahab, 33, mengekalkan pengakuan bersalah selepas pertuduhan dibacakan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Syazwani Zawawi manakala tertuduh yang disahkan menghidap penyakit HIV pula tidak diwakili peguam bela.

Asmayuzi didakwa mengani-ayai Wan Shifa Amani Wan Mohd. Farid sehingga menyebabkan kecederaan fizikal kepada bayi tersebut yang ketika itu berusia tujuh bulan di rumahnya di Taman Wan Adnan Kerteh di sini antara pukul 7.30 pagi dan 10.12 pagi, 27 April 2016.

Mengikut fakta kes, Asmayuzi didakwa telah memukul kepala kiri Wan Shifa Amani selepas bayi perempuan itu menangis dan enggan meminum susu botol yang diberikan.

Pukulan tersebut menyebabkan mangsa pangsang dan mengalami kecederaan dalaman pada sebelah kanan kepalanya.

Tertuduh kemudian menggonggong kepala dan badan Wan Shifa Amani berulang kali akibat panik sebelum menghubungi ibu bapa bayi berkenaan dan menghantarnya ke Hospital Kemaman di sini.

Wan Shifa Amani yang mengalami kecederaan serius kemudian dirujuk ke Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan, Pahang sebelum pegawai perubatan membuat laporan polis yang membawa kepada penahanan Asmayuzi pada 10 Mei 2016.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM20,000 dan penjara sehingga 10 tahun atau kedua-duanya sekali



ASMAYUZI memakai penutup mulut ketika diiring keluar dari Mahkamah Majistret Kemaman atas dakwaan mendera bayi perempuan semalam.



TAMAN Wan Adnan Kerteh yang menjadi lokasi seorang bayi perempuan didera oleh pengasuhnya tahun lalu.

jika sabit kesalahan.

Asmayuzi dalam rayuannya mendakwa dia melakukan perbuatan tersebut kerana terlalu tertekan selepas disahkan menghidap HIV yang berpunca daripada suaminya seorang penagih dadah.

Begitupun, Syazwani dalam hujah balasnya berkata, tertuduh tidak sepatutnya melepaskan tekanan perasaan terhadap mangsa yang bukan sahaja tidak berdaya malah tidak ada kena-mengena

dengan masalah dihadapinya.

Beliau juga memberitahu, Wan Shifa Amani juga telah mengalami masalah penglihatan pada bahagian mata kiri selain deria motornya disahkan perlahan berbanding bayi normal akibat penderaan berkenaan.

"Ibu mangsa yang merupakan seorang guru memberitahu dia mengalami tekanan perasaan kerana terlalu memikirkan nasib anak perempuannya akibat perbuatan zalim tertuduh," katanya.